

Alliance lancar Program Pembiayaan Mikro Zakat

UTUSAN MALAYSIA 9/12/2023 KWS: 39

Oleh HENDRA WINARNO
hendrawinarno@mediamula.com.my


KUALA LUMPUR: Alliance Islamic Bank Berhad (Alliance Islamic Bank) melancarkan Program Pembiayaan Mikro Zakat Alliance Islamic Bank (AZAM), program dana sosial Islam pertama di Malaysia yang menggunakan dana zakat wakalah bagi membantu usahawan mikro daripada kumpulan asnaf.

Program itu menggalakkan akses kewangan dan pembangunan yang saksama melalui penyediaan peluang pembiayaan yang mudah dan mampu dimiliki.

Ketua Pegawai Eksekutif Alliance Islamic Bank, Rizal Il-Ehzan Fadil Azim berkata, AZAM diperkenalkan sebagai satu pendekatan zakat secara inovatif yang mana ia diagihkan secara produktif melalui pembiayaan mikro.

Ia dilaksanakan menerusi struktur dana pusingan dan merintis cara bagaimana zakat dimanfaatkan untuk membantu para usahawan mikro daripada golongan asnaf.

Beliau berkata, program menyasarkan usahawan mikro asnaf yang layak dan dana diagihkan menurut konsep Qard (pembayaran balik tanpa faedah atau keuntungan).



MAJLIS pemeteraian kerjasama strategik antara Alliance Islamic Bank dengan Amanah Ikhtiar Malaysia di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SYAKIR RADIN

“Zakat merupakan satu instrumen ekonomi yang membantu merapatkan jurang kekayaan dalam masyarakat melalui rangkaian kewangan.

“Berpandukan nasihat dan pandangan pakar, kami merintis program AZAM bagi mengagihkan zakat secara produktif kepada para usahawan mikro asnaf dan pada masa yang sama membantu mereka membangunkan sumber penda-

patan yang mampan untuk keluar daripada kepompong kemiskinan,” katanya pada majlis pelancaran program itu di sini, semalam.

Alliance Islamic Bank turut menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sebagai rakan strategik pembiayaan mikro dalam satu majlis yang disaksikan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Turut hadir, Pengerusi LZS; Tan

Sri Syed Anwar Jamalullail; Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Mohd. Sabirin Mohd. Sarbini; Pengerusi Alliance Islamic Bank; Datuk Wan Azhar Wan Ahmad; Pengerusi AIM; Datuk Seri Dr. Syed Hussain Syed Junid dan Pengarah Urusan AIM, Mohamed Shamir Abdul Aziz.

Rizal berkata, Alliance Islamic Bank akan menanggung semua kos pengurusan yang berkaitan dengan program itu.